

Yoga untuk wajah

BANGUN tidur dengan garis-garis halus yang kelihatan begitu ketara pada wajah memang merungsingkan. Gerakan yang berterusan pada wajah seperti tersengih, tersenyum atau berwajah masam sedikit sebanyak menjejaskan epidermis iaitu tisu-tisu sokongan wajah.

Gaya produk

Masih belum terlambat untuk menghilangkan garisan yang ketara ini.

Pelapik wajah Frownies merupakan sejenis bahan yang bebas kimia untuk menegangkan otot-otot muka. Ia melatih otot-otot muka supaya berehat sambil melicinkan kulit dan menyembunyikan garis-garis halus. Seperti yoga untuk otot-otot wajah, Frownies membentuk semula otot-otot dan postur muka. Dengan motonya, Teruskan Melihat - Gunakan Setiap Malam, anda boleh melihat kesannya dalam masa antara tiga hingga empat minggu penggunaannya.

Ia dijual pada harga RM128 untuk 144 keping. Dijamin selamat dan alternatif kepada botox. Ia hanya boleh didapati di A Cut Above dan Beauty Impress. Maklumat lanjut, layari www.BeautyImpress.com atau hubungi talian 03-2287 2522.

